





**Nestlé**

Good food, Good life

**TERMA DAN SYARAT**

**A. Jadual bagi Syarat Penyertaan**

1. <b><u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).						
2. <b><u>Promosi:</u></b>	PROGRAM PENEBUSAN MINUM & TEBUS JAKET JUARA.						
3. <b><u>Tempoh Promosi:</u></b>	<p>a. Promosi akan dijalankan pada <b>hari-hari terpilih</b> dari 25/04/2026 hingga 28/06/2026. Tempoh Penebusan dibahagikan kepada dua (2) fasa:</p> <table border="1"><thead><tr><th>FASA</th><th>TEMPOH PENEBUSAN</th></tr></thead><tbody><tr><td>1</td><td>25/04/2026 - 28/05/2026</td></tr><tr><td>2</td><td>29/05/2026 - 28/06/2026</td></tr></tbody></table> <p>b. Promosi ini diadakan secara eksklusif melalui penebusan segera sahaja. Penganjur akan menubuhkan Pusat Penebusan Segera (“PPS”) di mana Peserta boleh segera menebus JAKET JUARA mereka. Peserta mempunyai dua (2) pilihan untuk menebus sama ada:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>PPS yang disediakan oleh Promoter MILO di outlet (“PPS”), atau</li><li>PPS yang disediakan oleh Trak MILO di outlet atau lokasi terpilih (“PPS-TM”).</li></ol> <p>c. Untuk butiran mengenai lokasi dan jadual PPS dan PPS-TM, sila rujuk Jadual PPS dan PPS-TM yang terdapat di laman web Penganjur: <a href="https://www.milo.com.my/ms/minum-tebus-milo-2026">https://www.milo.com.my/ms/minum-tebus-milo-2026</a>.</p> <p>d. Tiada penebusan pos dan/atau kurier. Semua Borang dan bukti pembelian yang diterima melalui pos dan/atau kurier tidak akan dilayan dan/atau dikembalikan.</p>	FASA	TEMPOH PENEBUSAN	1	25/04/2026 - 28/05/2026	2	29/05/2026 - 28/06/2026
FASA	TEMPOH PENEBUSAN						
1	25/04/2026 - 28/05/2026						
2	29/05/2026 - 28/06/2026						
4. <b><u>Kelayakan:</u></b>	Promosi ini terbuka kepada semua penduduk sah individu di Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan diri yang sah dan beralamat rumah di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri (“Peserta”).						
5. <b><u>Item Penebusan:</u></b>	<p>a. Sila rujuk di bawah untuk senarai JAKET JUARA (“Item”) yang tersedia untuk penebusan:</p> <table border="1"><thead><tr><th colspan="3">PENEBUSAN JAKET JUARA</th></tr><tr><th>FASA</th><th>TEMPOH PENEBUSAN</th><th>JAKET JUARA</th></tr></thead></table>	PENEBUSAN JAKET JUARA			FASA	TEMPOH PENEBUSAN	JAKET JUARA
PENEBUSAN JAKET JUARA							
FASA	TEMPOH PENEBUSAN	JAKET JUARA					

			<b>(50 MATA)</b>
1	25/04/2026 - 28/05/2026	JAKET A – SAIZ M & L	
2	29/05/2026 - 28/06/2026	JAKET B – SAIZ M & L	

- b. Penganjur akan menentukan dan memaparkan kuantiti HARIAN Item yang tersedia untuk penebusan di setiap PPS dan PPS-TM. Penebusan segera hanya tersedia sementara stok Item yang diperuntukkan HARIAN kekal di PPS atau PPS-TM masing-masing.
- c. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk menggantikan mana-mana Item yang ditunjukkan pada Borang dengan Item lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Semua Item disediakan atas dasar "sedia ada" dan tidak boleh ditukar dengan kredit, item lain atau baucar sebahagian atau sepenuhnya.

6. **Produk Turut Serta:**

Sila rujuk di bawah untuk senarai produk MILO yang mengambil bahagian ("Produk"):

LOGO	KATEGORI PRODUK	NO	PRODUK TURUT SERTA
 <p>Dengan Logo Pilihan Lebih Sihat</p>	SERBUK & CAMPURAN	1	MILO 3in1 8x33g, MILO Intense Dark Chocolate 6x33g.
		2	MILO Less Sugar 10x27g, MILO Whole Grain Cereal 10x36g, MILO Hi-Fibre 12x30g.
		3	MILO 3in1 14x33g, Percuma Plushie Bag 14x33g 14+2x33g, MILO Original 14x30g, 14+2x30g, Percuma Plushie Bag 14x33g.
		4	MILO Intense Dark Chocolate 10x33g.
		5	MILO 3in1 26x33g, MILO Original 26x30g.

			6	MILO 200g.		
			7	MILO 400g, 400g+50g.		
			8	MILO 900g, 900g+100g, MILO Hi-Fibre 900g.		
			9	MILO 1.8kg, 1.8kg+200g.		
			10	MILO Tin 1.4kg.		
			11	MILO Krunch 70g		
			12	MILO Krunch 130g / MILO Krunch 150g		
			13	MILO Intense Dark Chocolate Tin 400g.		
			UHT	14	MILO UHT 125ml.	
				15	MILO UHT 200ml, MILO CalciumPluz UHT 200ml.	
				16	MILO UHT 1L.	
			Tanpa Logo Pilihan Lebih Sihat	BIJIRIN	17	MILO Cereal 70g
					18	MILO Cereal 150g.
	19	MILO Cereal 300g.				
	20	MILO Cereal Econopack 450g.				
	21	MILO Cereal Bar 23.5g.				
	CONFECTIONERY	22		MILO Nuggets Fun Pack 8x15g.		
		23		MILO Biscuits Original 104g, MILO Biscuits Milk 104g.		
		24		MILO Biscuit Milk Multipack 6x24g.		
		25		MILO Biscuit Original MultiPack 6x24g.		
		26		MILO Bites Double Choc 90g.		

7. **Kaedah**  
**Penyertaan:**
- a. Untuk mengambil bahagian dalam Promosi, beli mana-mana Produk dari mana-mana outlet dalam kedai dan/atau platform dalam talian. **Pembungkusan Produk yang dibeli adalah Bukti Pembelian (“BP” yang diperlukan)**. Untuk layak untuk penebusan, BP mesti memenuhi kriteria berikut:
- i. ia mesti memaparkan tarikh tamat tempoh **Julai 2026** dan ke atas;
  - ii. ia mesti menampilkan **Logo Pilihan Lebih Sihat** (“Logo HC”), tertakluk kepada Produk yang disenaraikan dengan Logo HC dalam Jadual Produk Turut Serta di atas; dan
  - iii. ia mestilah merupakan **pembungkusan penuh yang telah dibersihkan dan dikeringkan** seperti yang disenaraikan dalam Borang.

- b. Peserta boleh memilih untuk menghantar penebusan mereka menggunakan salah satu daripada borang berikut:
- i. Borang Kertas Bercetak:  
Borang penebusan bercetak PROGRAM PENEBUSAN MINUM & TEBUS JAKET JUARA (“Borang Kertas Bercetak”) boleh didapati di PPs dan PPS-TM atau boleh dicetak daripada laman web Penganjur di: <https://www.milo.com.my/ms/minum-tebus-milo-2026>.
  - ii. Borang Digital:  
Kod QR untuk diimbas bagi permohonan borang digital penebusan PROGRAM PENEBUSAN MINUM & TEBUS JAKET JUARA (“Borang Digital”) boleh didapati di PPS, PPS-TM dan outlet yang mengambil bahagian. Peserta boleh mengimbas kod QR tersebut menggunakan telefon bimbit mereka untuk mengakses Borang Digital.
- c. Sila rujuk Jadual BP & Mata dalam Borang Kertas Bercetak dan/atau Borang Digital (“Borang”) untuk senarai terperinci **bungkusan penuh** yang diperlukan bagi setiap POP Produk serta mata (“Mata”) yang diberikan untuk setiap POP yang dihantar. Produk yang tidak disenaraikan dalam Borang tidak layak sebagai produk turut serta dalam Promosi.
- d. Setiap Peserta hanya dibenarkan menebus **satu (1) Item bagi setiap Borang pada satu masa**. Setiap Borang yang lengkap mesti dihantar bersama POP yang diperlukan dengan mata yang mencukupi untuk menebus satu (1) Item. Sebarang mata lebih yang dihantar dalam Borang akan dibatalkan dan tidak akan dipulangkan atau dipindahkan ke Borang lain. Borang yang dihantar untuk menebus lebih daripada satu (1) Item akan dibatalkan.
- e. Untuk menebus Item tambahan, Peserta mesti menghantar Borang baharu yang berasingan dan menyertai semula giliran.
- f. Setiap Peserta dengan Butiran Peribadi yang sama hanya dibenarkan menghantar **maksimum tiga (3) Borang bagi setiap Tempoh Penebusan**. Semua Borang akan disemak bagi mengesan pendua berdasarkan nama penuh dan nombor pengenalan Peserta. Peserta tidak dibenarkan menebus bagi pihak orang lain.
- g. Untuk memudahkan proses penebusan, Peserta mesti mematuhi arahan dan panduan yang diberikan oleh kru promosi dan promoter. Penganjur berhak untuk menolak penebusan sekiranya berlaku sebarang tingkah laku yang tidak boleh diterima, gangguan atau salah laku oleh Peserta.
- h. Mata terkumpul semasa Tempoh Promosi tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai sebahagian atau sepenuhnya. Borang yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca, tidak tepat, dengan BP yang tidak lengkap/rosak/kotor dan atau Mata yang tidak mencukupi akan dibatalkan. Untuk mengelakkan keraguan, Penganjur juga boleh, membatalkan kelayakan

	<p>mana-mana BP jika Penganjur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan BP yang dipalsukan atau dihasilkan sendiri.</p> <p>i. Semua Item yang ditebus di PPS dan PPS-TM tidak boleh diganti setelah penebusan segera selesai. Peserta adalah digalakkan untuk memeriksa keadaan Item mereka pada masa penebusan.</p> <p>j. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Item dan terma dan syarat yang dilampirkan pada Item, jika ada.</p>
8. <b><u>Tarikh Tutup Penebusan:</u></b>	Semua Borang mesti diterima oleh Penganjur di lokasi yang ditetapkan dan dalam tempoh masa yang ditetapkan semasa Tempoh Penebusan seperti yang dinyatakan dalam Jadual PPS dan PPS-TM di laman web Penganjur. Semua Borang yang diterima di luar Tempoh ini akan dibatalkan secara automatik.
9. <b><u>Terma Tambahan:</u></b>	<p>a. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa penebusan yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur. Penganjur berhak untuk menukar kaedah penebusan yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara Penganjur.</p> <p>b. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki mengganggu dan/atau bertindak kasar semasa proses penebusan segera atau semasa mengendalikan penebusan. Penganjur juga berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang terlibat dalam aktiviti penipuan atau tindakan lain yang boleh menjejaskan proses penebusan.</p>

**Jadual bagi Syarat Penyertaan** ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat Penyertaan dan Notis Privasi** yang boleh didapati di: <https://www.milo.com.my/ms/minum-tebus-milo-2026>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

## **B: Syarat-syarat Penyertaan**

### **1. Pengenalan**

1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

## **2. Penyertaan Peraduan**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

## **3. Kelayakan**

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

## **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

## **5. Perlucutan Kelayakan**

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

## **6. Hadiah**

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Harta Intelekt**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit ) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

## **11. Am**

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

## **12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy/privacy\\_bm](https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm).

12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).